



ANWAR dan Zahid hadir pada Program Jelajah Perpaduan Madani dan Pelancaran Jentera Perpaduan Kelantan di Pusat Transformasi Bukit Tiu, Machang. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



Machang

Kerajaan Perpaduan berazam untuk memajukan Kelantan jika calon parti yang mewakilinya berjaya menawan negeri itu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 12 Ogos ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting untuk memastikan kebajikan rakyat terus terjaga serta terbelas.

"Inilah masanya untuk rakyat perlu bangkit, percaya dan yakin dengan hasil kerja yang dilakukan oleh Kera-

'Tolong selamatkan negeri Kelantan'

Anwar harap rakyat Kelantan bantu Kerajaan Perpaduan ambil alih tampuk pemerintahan Pas sejak 33 tahun lalu

jaan Perpaduan.

"Saya minta orang Kelantan faham, tolong selamatkan Kelantan dan Malaysia kerana ini adalah peluang kita sebab kita fikir nasib Melayu, jaga rakyat desa dan miskin bandar serta pembangunan di negeri ini," katanya.

Kita fikir nasib Melayu, jaga rakyat desa dan miskin bandar
Anwar

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Jelajah Perpaduan Madani dan Pelancaran Jentera Perpaduan di Kelantan dekat Bukit Tiu di sini malam kelmarin yang turut dihadiri Pengerusi Barisan Nasional (BN) Da-

tuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Senada dengan keazaman itu, Ahmad Zahid yang juga Presiden Umno menyeru agar rakyat Kelantan memberi peluang kepada parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan untuk mentadbir negeri itu.

"Semua calon yang bertanding perlu bekerja keras dan kita minta rakyat Kelantan beri peluang kepada

calon-calon mewakili Pakatan Harapan dan BN untuk menang pada PRN kali ini sekali gus dapat mengambil alih tampuk kepemimpinan daripada Pas (yang telah memerintah) selama 33 tahun.

"Kalau kita menang, kita akan berlaku adil kepada semua rakyat, kita akan beri keutamaan kepada mereka yang memerlukan," katanya.